



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 17/1998
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sukacita memaklumkan iaitu berikutan dengan pengumuman Jabatan Perdana Menteri pada 12 Rejab 1419 bersamaan 2 haribulan November 1998 yang mana dengan titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa jawatan Menteri Undang-Undang telah ditiadakan mulai dari 11 Rejab 1419 bersamaan 1 haribulan November 1998.

Sehubungan dengan ini, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Undang-Undang mulai tarikh yang sama telah ditiadakan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya adalah dengan ini diteruskan dibawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri.

Sekian yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(DATO PADUKA HAJI HAZAIR HAJI ABDULLAH)
Setiausaha Tetap

Rujukan : (17)SK/JPM/98
Tarikh : 21 Rejab 1419
11 November 1998